

## Terma dan Syarat – Kempen PRUEzy Saver 2026

1. Kempen **PRUEzy Saver 2026** (“**Kempen**”) ini dianjurkan bersama oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad (No. Syarikat 198301012262 (107655-U)) (“**PAMB**”) dan United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat 199301017069 (271809-K)) (“**UOB Malaysia**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Penganjur**” atau “**kami**” atau mana-mana daripada kami). Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Kempen ini (“**Terma dan Syarat**”) dan SEMUA terma dan syarat yang berikut:
  - a. Terma dan Syarat Yang Mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional) UOB Malaysia boleh diakses di <https://www.uob.com.my> dan Polisi Privasi UOB Malaysia boleh diakses di <https://www.uob.com.my/default/privacy-policy.page>; dan
  - b. Polisi Privasi PAMB boleh diakses di <https://www.prudential.com.my/en/privacy-policy>.
2. Terma dan syarat yang disenaraikan di atas adalah merangkumi sebarang pindaan atau variasi masing-masing dan keputusan Penganjur berkaitan dengan sebarang perkara yang berkenaan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat.

### 3. Tempoh Kempen

- 3.1. Kempen ini bermula dari **15 Januari 2026 hingga 31 Januari 2027**, kedua-dua tarikh termasuk atau tertakluk kepada saiz dana maksimum yang ditentukan oleh Penganjur, yang mana lebih awal (“**Tempoh Kempen**”).

### 4. Kelayakan

- 4.1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan bankasurans baharu\* UOB Malaysia yang memiliki akaun simpanan atau semasa UOB Malaysia yang sedia ada yang membeli polisi **PRUEzy Saver** baharu diunderaitkan oleh PAMB melalui laman web **PRUEzy Insure** (“**Pelanggan Yang Layak**”) semasa Tempoh Kempen, di mana polisi insurans tersebut mesti bermula selewat-lewatnya 15 Februari 2027 (“**Polisi Insurans Yang Layak**”).  
*\*Pelanggan bankasurans baharu merujuk kepada pelanggan UOB Malaysia yang tidak mempunyai sebarang polisi/sijil aktif atau berkuat kuasa yang diklasifikasikan dalam penyenaian produk tidak layak yang diedarkan oleh UOB Malaysia dan diunderaitkan oleh PAMB. Penyenaian produk yang tidak layak boleh didapati di <https://www.prudential.com.my/content/dam/prudential-aem-lbu/pamb/pdf/UOB-Non-Eligible.pdf>*

### 5. Kaedah Kempen

- 5.1. Pembayaran(-pembayaran) Kempen (dikira sebagai peratusan (%) daripada jumlah premium yang dibayar untuk Polisi Insurans Yang Layak (tidak termasuk cukai jika ada) seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah) akan dibayar kepada Pelanggan Yang Layak masing-masing pada setiap Ulang Tahun Polisi pertama dan kedua (setiap "Pembayaran Kempen") dengan syarat Polisi Insurans Yang Layak terus berkuat kuasa pada masa setiap Pembayaran Kempen masing-masing dikreditkan oleh PAMB.

Ulang Tahun Polisi	Pembayaran Kempen (% daripada Jumlah Premium Dibayar)
1	2.00%
2	2.00%

Contoh 1:

Suria (umur 50, bukan perokok) membeli Polisi Insurans Yang Layak dengan premium tahunan RM10,000 untuk tempoh polisi selama 2 tahun. Oleh itu, Suria akan layak menerima Pembayaran Kempen seperti berikut:

- a) RM200.00 (iaitu 2.00% daripada RM10,000) akan dibayar pada Ulang Tahun Polisi yang pertama; dan
- b) RM400.00 (iaitu 2.00% daripada RM20,000) akan dibayar pada Ulang Tahun Polisi yang kedua.

Contoh 2:

Calvin (umur 40, bukan perokok) membeli Polisi Insurans Yang Layak dengan premium tahunan RM20,000 untuk tempoh polisi selama 2 tahun. Polisi telah diserahkan sebelum Ulang Tahun Polisi yang kedua; oleh itu, Calvin hanya layak menerima Pembayaran Kempen Ulang Tahun Polisi yang pertama.:

- a) RM400.00 (iaitu 2.00% of RM20,000) akan dibayar pada Ulang Tahun Polisi yang pertama; dan
- b) Tiada pembayaran akan dibuat pada Ulang Tahun Polisi yang kedua kerana polisi tidak lagi berkuat kuasa dan telah dibatalkan.

- 5.2. Untuk tujuan Kempen ini, Ulang Tahun Polisi bermaksud ulang tahun Tarikh Mula Polisi yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dokumen polisi untuk Polisi Insurans Yang Layak.

## 6. Pembayaran Kempen

- 6.1. Tertakluk kepada Terma dan Syarat, setiap Pelanggan Yang Layak yang memenuhi keperluan(-keperluan) kelayakan dan kaedah serta syarat Kempen di sini akan berhak mendapat satu (1) Pembayaran Kempen setiap Ulang Tahun Polisi untuk setiap Polisi Insurans Yang Layak.
- 6.2. Untuk menerima Pembayaran(-pembayaran) Kempen, Pelanggan Yang Layak mesti memberikan butiran akaun bank yang sah kepada PAMB, termasuk nama pemegang akaun bank dan nombor akaun bank ("**Butiran Akaun Bank**") semasa peringkat penghantaran cadangan.
- 6.3. Pembayaran(-pembayaran) Kempen untuk setiap Polisi Insurans Yang Layak akan dikreditkan mengikut Butiran Akaun Bank Pelanggan Yang Layak seperti yang dikekalkan dalam sistem PAMB pada setiap Ulang Tahun Polisi pertama dan kedua masing-masing dan mungkin mengambil masa sehingga dua (2) minggu untuk mengkreditkan Pembayaran Kempen mengikut Butiran Akaun Bank Pelanggan Yang Layak. Surat Pembayaran Kempen akan dihantar kepada Pelanggan Yang Layak selepas Pembayaran(-pembayaran) Kempen ke akaun bank anda dilakukan.
- 6.4. Sekiranya Pelanggan Yang Layak tidak menerima Pembayaran Kempen dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Ulang Tahun Polisi, Pelanggan Layak boleh menghubungi PAMB di <https://www.prudential.com.my/en/contact-us/>.
- 6.5. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Butiran Akaun Bank, Pelanggan Yang Layak mesti memaklumkan PAMB mengenai perubahan tersebut melalui **PRU**Services atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03- 2771 2499 (Isnin hingga Jumaat 8:30 pagi hingga 5:15 petang). Butiran Akaun Bank yang baharu mesti direkodkan dalam sistem PAMB sebelum Ulang Tahun Polisi pertama dan kedua masing-masing. Jika Pelanggan Yang Layak gagal, cuai, atau terlepas untuk menyediakan Butiran Akaun Bank atau memaklumkan PAMB tentang sebarang perubahan kepada Butiran Akaun Bank yang menyebabkan kegagalan pengkreditan Pembayaran(-pembayaran) Kempen, PAMB berhak untuk membatalkan Pembayaran(-pembayaran) Kempen tersebut selaras dengan Terma dan Syarat.
- 6.6. PAMB tidak akan bertanggungjawab atau sebaliknya untuk memberikan pampasan sekiranya Akaun Bank anda digantung, dibekukan atau ditutup sebelum atau semasa pengkreditan Pembayaran(-pembayaran) Kempen masing-masing atas apa-apa sebab di luar kawalan munasabah PAMB, dan PAMB berhak untuk membatalkan Pembayaran(-pembayaran) Kempen tersebut.
- 6.7. Pembayaran(-pembayaran) Kempen tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar untuk kredit atau dalam bentuk lain, sama ada secara penuh atau sebahagian. Sebarang permintaan untuk Pembayaran(-pembayaran) Kempen dikreditkan kepada pihak ketiga atau ke mana-mana akaun bank selain daripada Butiran Akaun Bank yang direkodkan dalam sistem PAMB tidak akan dilayan.
- 6.8. Pelanggan Yang Layak seterusnya bersetuju bahawa pengkreditan Pembayaran(-pembayaran) Kempen oleh PAMB mengikut Terma dan Syarat akan dianggap sebagai bayaran penuh, dan PAMB akan dilepaskan sepenuhnya daripada sebarang liabiliti dan tuntutan selanjutnya berkaitan dengan Pembayaran(-pembayaran) Kempen.

## Terma dan Syarat Am

7. Anda hendaklah mendapatkan penjelasan daripada Penganjur jika terdapat sebarang terma dan syarat yang tidak difahami.
8. Melainkan dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini, Kempen ini tidak sah dengan kempen PAMB atau UOB Malaysia yang lain dan tiada kadar istimewa, tambahan, keutamaan dan/atau ganjaran lain akan diberikan kepada Pelanggan Yang Layak untuk Kempen ini.
9. Rekod transaksi yang dikekalkan oleh Penganjur dan keputusan Penganjur dalam semua perkara (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pertikaian yang timbul daripadanya) berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan Yang Layak. Kecuali kesilapan nyata (contohnya, perbezaan dalam urus niaga) atau penipuan, Penganjur tidak diwajibkan untuk melayan pertanyaan atau rayuan berkenaan dengan Kempen ini.
10. Anda hendaklah memastikan bahawa butiran diri dan sebarang maklumat yang diberikan kepada Penganjur adalah lengkap dan tepat. Penganjur boleh meminta maklumat lanjut daripada anda atas sebarang sebab yang difikirkannya sesuai, termasuk bagi menentukan kesahihan maklumat tersebut.
11. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan melainkan disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh Penganjur, Penganjur dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu.
12. Penganjur tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang salah tafsiran atau perwakilan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak sah berkenaan dengan Kempen yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media, pemasaran atau bahan pengiklanan.
13. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk dan bagaimana yang timbul atau dialami oleh Pelanggan Yang Layak atau mana-mana pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini, kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh Penganjur yang berkaitan secara khusus dengan Kempen ini.
14. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berkenaan dengan Kempen, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
15. Penganjur berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara sepenuhnya atau sebahagian daripadanya, pada bila-bila masa, dengan notis terdahulu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Kempen oleh Penganjur tidak akan memberi hak kepada Pelanggan Yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan.
16. Penganjur berhak untuk menambah, membatalkan atau mengubah Terma dan Syarat, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagian daripadanya dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan Yang Layak melalui makluman di laman web UOB Malaysia, mempamerkan notis di mana-mana Cawangan UOB Malaysia dan/atau mesej penyataan dalam Penyata Akaun UOB Malaysia kepada Pelanggan Yang Layak, atau apa-apa cara lain yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
17. Tanpa mengira apa-apa yang bertentangan dengan kandungan Kempen ini,
  - a. jika PAMB mengetahui atau dimaklumkan bahawa Pelanggan Yang Layak dinamakan dalam mana-mana senarai Sekatan, atau berpotensi untuk dimasukkan ke dalam mana-mana senarai Sekatan; atau

- b. jika PAMB didapati melanggar obligasi Sekatan akibat daripada Kempen ini, maka PAMB akan membatalkan kelayakan Pelanggan Yang Layak dengan serta-merta dan mengambil tindakan lain yang kami anggap wajar, termasuk tetapi tidak terhad kepada memaklumkan mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan tanpa notis dan liabiliti.

“Sekatan” merujuk kepada sebarang langkah terhad yang dikenakan ke atas rejim tertentu, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri oleh badan-badan antarabangsa atau kerajaan di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Pejabat Pelaksanaan Sekatan Kewangan Perbendaharaan HM, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan AS dan Pihak Berkuasa Kewangan Hong Kong.

Klausa ini, dan keupayaan kami untuk membuat tuntutan terhadap sebarang kerugian yang mungkin kami alami hasil daripada operasi klausa ini, akan kekal dalam sebarang penamatan atau tamat tempoh.

18. Dalam melaksanakan kewajipan di bawah Kempen ini, Pelanggan Yang Layak hendaklah mematuhi semua undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkenaan (dan peraturan serta panduan yang berkaitan). Secara khusus, Pelanggan Yang Layak dengan ini mengakui dan bersetuju:
  - a. untuk mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Amalan Rasuah Asing AS, Akta Rasuah UK dan Ordinan Pencegahan Rasuah Hong Kong, bersama dengan mana-mana peraturan dan panduan yang berkaitan dan bahawa Pelanggan Yang Layak tidak akan bertindak dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai pelanggaran undang-undang dan peraturan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada menawarkan rasuah atau membuat bayaran pemudahan kepada pegawai awam atau kepada mana-mana pihak lain;
  - b. bahawa Pelanggan Yang Layak akan memastikan bahawa aktivitinya yang berkaitan atau berkenaan dengan kewajipannya di bawah Terma dan Syarat ini tidak akan menyebabkan PAMB melanggar mana-mana undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi (dan peraturan serta panduan yang berkaitan);
  - c. jika Pelanggan Yang Layak, berkaitan atau berkenaan dengan kewajipannya di bawah Terma dan Syarat ini, diminta untuk mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti, yang melanggar mana-mana undang-undang anti-rasuah atau anti-korupsi, atau menyedari apa-apa tingkah laku oleh tenaga kerjanya atau dalam kawalannya yang berkaitan atau berkenaan dengan Terma dan Syarat ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk melaporkan butiran ini dengan serta-merta kepada PAMB; dan
  - d. PAMB mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan/penyertaan-penyertaan Pelanggan Yang Layak tanpa notis, tanpa liabiliti, untuk sebarang pelanggaran sebenar terhadap perenggan ini.
19. Pelanggan Yang Layak hendaklah mematuhi semua undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkenaan, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing AS, Akta Rasuah UK, Ordinan Pencegahan Rasuah Hong Kong, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, serta mana-mana peraturan dan panduan berkaitan. PAMB berhak untuk membatalkan penyertaan/penyertaan-penyertaan mana-mana Pelanggan Yang Layak tanpa notis sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran undang-undang berkenaan dengan penyertaan Pelanggan Yang Layak dalam Kempen ini.
20. Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
21. UOB Malaysia ialah bank berlesen dan pengedar produk insurans. Terma dan Syarat serta Pembayaran Kempen yang dinyatakan di sini tidak boleh dalam apa jua keadaan ditafsirkan sebagai tawaran atau perubahan kepada terma dan syarat cadangan(-cadangan) insurans dan/atau polisi(-polisi) insurans anda dengan PAMB. Semua permohonan insurans tertakluk kepada peraturan pemprosesan dan/atau pengunderaitan standard PAMB. Selain itu, Pembayaran Kempen tidak akan menjadi sebahagian daripada hak, manfaat dan wang yang dibayar di bawah polisi(-polisi) insurans anda. Pembayaran Kempen akan dilakukan mengikut Terma dan Syarat walaupun anda telah memindahkan hak, manfaat dan wang yang dibayar di bawah polisi(-polisi) insurans anda secara mutlak kepada orang lain.